

SOALAN-SOALAN LAZIM

Produk: Pembiayaan Peribadi Syariah Kanz

Tarikh: 29.12.2020

Senarai soalan-solan lazim umum di bawah ini disediakan untuk memudahkan pemahaman anda tentang Produk Pembiayaan Peribadi Syariah Kanz Xanderia.

ISI KANDUNGAN		HALAMAN
BAHAGIAN A	Maklumat Produk Xanderia	1
BAHAGIAN B	Maklumat Am Aplikasi Xanderia Syariah Financing	2
BAHAGIAN C	Maklumat Permohonan melalui Aplikasi Xanderia Syariah Financing	3 – 10

BAHAGIAN A: Maklumat Produk Xanderia	
<p>1. Apakah produk-produk yang ditawarkan oleh Xanderia Berhad?</p> <p>Xanderia Berhad menawarkan dua produk di bawah Pembiayaan Peribadi Syariah Kanz iaitu, Kanz Raqami dan Kanz Al-Ilham. Produk Kanz Raqami ditawarkan melalui aplikasi Xanderia Syariah Financing.</p> <p>Sila rujuk Lembaran Pendedahan Produk yang terdapat di laman web ataupun App kami untuk maklumat lanjut.</p>	
<p>2. Adakah produk pembiayaan oleh Xanderia Berhad ini patuh syariah?</p> <p>Ya. Produk-produk yang kami tawarkan telah diiktiraf patuh syariah berdasarkan prinsip Murabahah (melalui perjanjian Tawarruq) oleh Amanie Advisors. Sila rujuk kepada laman web kami untuk maklumat lanjut di https://xanderia.com/my/shariah-compliance/</p>	
<p>3. Adakah penjamin atau cagaran diperlukan?</p> <p>Tidak. Tiada penjamin atau cagaran diperlukan untuk pembiayaan peribadi kami.</p>	
<p>4. Apakah cara untuk menjelaskan bayaran ansuran bulanan?</p> <p>Bayaran ansuran bulanan untuk produk-produk ini akan dibuat melalui Sistem Pemoangan Gaji Biro Perkhidmatan Angkasa (Angkasa).</p>	
<p>5. Anda ingin dapatkan maklumat lanjut?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hubungi kami di 1300 88 9945 (waktu pejabat) • Kunjungi kami di pejabat beralamat 17-1, Menara Q Sentral, No. 2A, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur; atau • Hantarkan e-mel ke info@xanderia.com 	

BAHAGIAN B: Maklumat Am Aplikasi Xanderia Shariah Financing

1. Adakah aplikasi Xanderia Shariah Financing ini selamat?

Ya, aplikasi ini adalah selamat. Maklumat yang anda kongsi adalah terpelihara dan dilindungi. Xanderia Berhad komited kepada perlindungan data peribadi anda serta pematuhan segala undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan perlindungan data peribadi yang terpakai di Malaysia.

Sila rujuk kepada Polisi Perlindungan Data Peribadi kami di <https://xanderia.com/my/pdpa/>

2. Adakah saya perlu membayar untuk memuat turun aplikasi Xanderia Shariah Financing ini?

Tidak. Aplikasi ini adalah percuma untuk dimuat turun.

3. Bagaimanakah caranya untuk saya memuat turun aplikasi Xanderia Shariah Financing?

Bagi pengguna Android, anda boleh memuat turun aplikasi ini di GOOGLE PLAY dan untuk pengguna iPhone anda boleh memuat turun di APP STORE.

4. Apakah kegunaan aplikasi Xanderia Shariah Financing?

Aplikasi ini merupakan platform khas untuk penjawat awam Malaysia memohon dan mengurus pembiayaan patuh syariah melalui telefon bimbit. Proses berkonsep layan-diri ini adalah 100% patuh syariah, ringkas, telus dan mudah difahami.

Xanderia menawarkan pembiayaan peribadi patuh syariah tanpa cagaran ataupun pemeriksaan kredit secara digital supaya pengguna dilindungi daripada risiko komunikasi dekat di dunia pasca-COVID-19.

Anda boleh memohon untuk pembiayaan pada bila-bila masa, di mana sahaja!


BAHAGIAN C: Maklumat Permohonan melalui Aplikasi Xanderia Syariah Financing

1. Bagaimanakah caranya untuk saya memohon pembiayaan dengan aplikasi yang telah dimuat turun?

Sebelum membuat permohonan, pengguna hendaklah membuka akaun dengan mendaftar nombor telefon dan mencipta kata laluan. Nombor telefon yang digunakan hendaklah didaftarkan di Malaysia (kod +60).

Masukkan OTP yang akan dihantar kepada anda melalui SMS dan sila baca Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) yang dipaparkan selepas itu.

Sila klik ikon “pensel” untuk memilih “Setuju” ataupun “Batal” dengan terma dan syarat PDPA, seperti berikut:-



Harap maklum, pendaftaran profil anda hanya berjaya jika anda memilih “Setuju”. Selepas itu anda boleh menggunakan aplikasi Xanderia Syariah Financing untuk membuat permohonan pembiayaan.

2. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terlupa kata laluan?

Anda hanya perlu memilih butang lupa kata laluan dan notifikasi akan di hantar ke telefon bimbit anda untuk penukaran kata laluan yang baru.

Bersambung di halaman seterusnya...

3. Apakah langkah-langkah untuk saya membuat satu permohonan yang lengkap?

Terdapat lima (5) peringkat atau langkah yang anda perlu lengkapkan, iaitu:

- **Langkah 1:** Muat turun dan lancar Aplikasi Xanderia Shariah Financing
- **Langkah 2:** Lengkapkan proses permohonan (pengesahan MyKad dan memuat naik penyata gaji rasmi 3 bulan terkini anda dalam bentuk PDF)
- **Langkah 3:** Kelulusan awal (Semakan Perjanjian Pembiayaan dan Penerimaan melalui e-tandatangan)
- **Langkah 4:** Menyelesaikan Proses BPA (Muat turun borang BPA dan senarai semak untuk serahan salinan cetak ke pejabat Xanderia)
- **Langkah 5:** Kelulusan akhir dan Wang Tunai Dimasukkan ke Akaun Anda*

* Tertakluk pada Terma dan Syarat

4. Bolehkah saya membuat permohonan pembiayaan lebih daripada sekali?

Pengguna dihadkan kepada satu (1) permohonan aktif. Anda hanya akan dibenarkan untuk memohon pembiayaan yang lain selepas permohonan aktif anda telah diluluskan dan jika anda masih ada ruang DSR. Anda boleh memohon lagi jikalau permohonan sebelumnya telah gagal ataupun luput.

5. Apa perlu saya lakukan sekiranya tujuan pembiayaan saya tidak terdapat seperti yang dinyatakan dibawah?



Sila pilih tujuan pembiayaan yang terdekat. Sekiranya anda memerlukan bantuan, sila hubungi pihak kami di **1-300-88-9945** atau emel kepada customer.service@xanderia.com.

Bersambung di halaman seterusnya...

6. Apakah dokumen yang perlu saya sediakan untuk melengkapkan proses permohonan pembiayaan?

Proses permohonan pembiayaan layan-diri melalui Aplikasi Xanderia Shariah Financing adalah mudah dan cepat. Anda hanya perlu menyediakan dua (2) jenis dokumen untuk proses permohonan awal, iaitu:

1. MyKad
2. Penyata gaji tiga (3) bulan terkini (dalam format PDF) yang dimuat turun dari laman web Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

7. Bagaimanakah caranya untuk saya muat turn penyata gaji yang sesuai dari laman web Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)?

Jika anda mempunyai rekod dalam JANM, sila daftar masuk dengan nombor kad pengenalan dan kata laluan anda di URL: <https://epenyatagaji-laporan.anm.gov.my/Layouts/Login/Login.aspx>

Selepas mendaftar masuk sila rujuk kepada “Penyata Untuk Pinjaman” dan pilih “Penyata Gaji”. Sila tekan “YA” pada notifikasi automatik yang akan muncul selepas butang “Penyata Gaji” ditekan, seperti berikut:-



Seterusnya sila pilih No. Gaji anda yang sesuai, seperti berikut:-

Bersambung di halaman seterusnya...

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA » English

e-PENYATA GAJI & LAPORAN

Selamat Datang, [Nama Pengguna]

Penyata Gaji

Sendiri

Penyata Pendapatan Tahunan

Sendiri

Penyata Untuk Pinjaman

Penyata Gaji

Pautan Berguna

FAQs

Tatacara

Prosedur

Pengumuman

Profil Saya

Tukar Kata laluan

No. Gaji:

Penyat:

3 SILA PILIH

Penyata Gaji	No. Gaji	Tindakan	Sah sehingga	Kenyataan
Tiada rekod dijumpai				

Penyata gaji untuk tiga (3) bulan terkini akan dipaparkan pada laman JANM anda. Sila tekan “Menjana” pada setiap penyata gaji bulanan yang diperlukan, seperti berikut:-

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA » English

e-PENYATA GAJI & LAPORAN

Selamat Datang, [Nama Pengguna]

Penyata Gaji

Sendiri

Penyata Pendapatan Tahunan

Sendiri

Penyata Untuk Pinjaman

Penyata Gaji

Pautan Berguna

FAQs

Tatacara

Prosedur

Pengumuman

Profil Saya

Tukar Kata laluan

Keluar

No. Gaji:

Penyata Gaji Sendiri

Penyata Gaji	No. Gaji	Tindakan	Sah sehingga	Kenyataan
DEC 2020 (C01)	201	Menjana		
NOV 2020 (C01)	201	Menjana		
OCT 2020 (C01)	201	Menjana	Tamat Tempoh	Penyata Untuk Pinjaman ini telah tamat tempoh pada 09/12/2020.

4 SILA TEKAN “Menjana”

Seterusnya tekan “YA” pada notifikasi automatik yang akan muncul selepas butang “Menjana” ditekan. Sila ambil perhatian kepada tempoh sah untuk setiap penyata gaji yang dijana yang dipaparkan oleh notifikasi tersebut. Selepas itu, tekan “Muat Turun” untuk muat turun setiap penyata gaji bulanan yang diperlukan, seperti berikut:-

Bersambung di halaman seterusnya...

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA » English

e-PENYATA GAJI & LAPORAN

Selamat Datang, [Nama]

Penyata Gaji

Sendiri

Penyata Pendapatan Tahunan

Sendiri

Penyata Untuk Pinjaman

Penyata Gaji

Pautan Berguna

FAQs

Tatacara

Prosedur

Pengumuman

Profil Saya

Tukar Kata laluan

Keluar

No. Gaji: 201

Penyata Gaji Sendiri

Penyata Gaji	No. Gaji	Tindakan	Sah sehingga	Kenyataan
DEC 2020 (C01)	201	Menjana		
NOV 2020 (C01)	201	Menjana Muat Turun	31/12/2020	
OCT 2020 (C01)	201	Menjana	Tamat Tempoh	Penyata Untuk Pinjaman ini telah tamat tempoh pada 09/12/2020.

⚠


Penyata Untuk Pinjaman ini hanya sah sehingga 31/12/2020. Sila bawa untuk rujukan institusi kewangan dengan segera.

5 SILA TEKAN →

6 SILA TEKAN "Muat Turun"

8. Bagaimanakah sekiranya penyata gaji saya dikeluarkan oleh pihak selain daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)?

Anda masih boleh memuat naik penyata gaji kerajaan rasmi yang besesuaian (format PDF sahaja). Walaupun penyata gaji anda akan ditanda sebagai "slip gaji tidak dapat disahkan", anda masih boleh klik butang "Seterusnya" seperti berikut:-



Bersambung di halaman seterusnya...

Seterusnya, anda hanya perlu mengesahkan dua butiran penyata gaji ke dalam aplikasi Xanderia Shariah Financing. “JUMLAH PENDAPATAN” dimasukkan ke ruangan “pendapatan sebelum perbelanjaan” dan “JUMLAH POTONGAN” di masukkan ke ruangan “jumlah perbelanjaan”. Sila rujuk contoh di bawah:-



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

PENYATA GAJI


<p>NAMA : [REDACTED]</p> <p>My ID : [REDACTED]</p> <p>JAWATAN : [REDACTED]</p> <p>JABATAN : [REDACTED]</p>	<p>BULAN : 11/2020</p> <p>NO. AKAUN : [REDACTED]</p> <p>NO. KWSP : [REDACTED]</p> <p>NO. CUKAI : [REDACTED]</p>
--	---

PENDAPATAN	AMAUN (RM)	POTONGAN	AMAUN (RM)
GAJI POKOK	7,879.56	KWSP PEKERJA	890.00
ITKA	200.00	SOGSO PEKERJA	160.00
ITP	100.00	CUKAI PTAN	1,900.00
		YPEIM	100.00
		ZAKAT	449.00
		ANGKASA	500.00
		ANULAE	600.00
		KELAB.R.MBSA	150.00
JUMLAH PENDAPATAN	8179.56	JUMLAH POTONGAN	4749.00
GAJI BERSIH	3,430.56		

PERHATIAN

* Cetakan komputer ini tidak sah bagi segala urusan tanpa pengesahan oleh Pegawai Jabatan Kewangan. Jika terdapat sebarang kemusykilan, sila hubungi Unit Gaji dan Saraan, Jabatan Kewangan, Tingkat 11, Wisma MBSA di talian 03-5522 2874 atau 03-5510 5133 sambungan 555.

* Jabatan Kewangan tidak bertanggungjawab atas segala pindaan maklumat pada slip gaji yang dilakukan oleh kakitangan



Bersambung di halaman seterusnya...

9. Bagaimanakah sekiranya gambar kad pengenalan dan video “selfie” yang saya ambil gagal semasa langkah pengesahan MyKad?

Anda diberi peluang sebanyak lima (5) kali untuk mencuba tetapi sekiranya masih gagal diperakui oleh sistem, anda dinasihatkan supaya menghubungi pihak kami di **1-300-88-9945** atau **customer.service@xanderia.com**.

10. Adakah saya akan diberitahu sekiranya permohonan pembiayaan saya diluluskan?

Ya. Anda akan menerima notifikasi menerusi aplikasi Xanderia Shariah Financing pada setiap peringkat proses permohonan pembiayaan.

Selain itu, anda akan menerima dokumen Perjanjian Pembiayaan Syariah melalui emel sebanyak dua kali. Pertama, apabila proses pra semakan awal anda telah berjaya dan diberikan Perjanjian Pembiayaan Syariah bersyarat untuk jumlah pembiayaan yang dimohon. Kedua, apabila anda telah menerima tawaran secara tandatangan digital, e-tandatangan melalui aplikasi Xanderia Shariah Financing

11. Berapakah jumlah dokumen Perjanjian Pembiayaan Syariah yang akan saya terima melalui emel?

Anda akan menerima lima (5) dokumen, iaitu:

1. Surat Tawaran
2. Surat Janji Untuk Membeli
3. Surat Perlantikan Wakil
4. Perjanjian Jualan Komoditi
5. Deklarasi dan Perakuan

12. Adakah dokumen-dokumen Perjanjian Pembiayaan Syariah perlu dicetak?

Tidak perlu. Anda hanya perlu menandatangani surat perjanjian di dalam aplikasi Xanderia Shariah Financing secara digital. Selepas itu, anda akan menerima salinan Perjanjian Pembiayaan Syariah bersyarat yang telah ditandatangani untuk simpanan anda.

Salinan Perjanjian Pembiayaan Kewangan bersyarat anda yang bertandatangan akan menjadi perjanjian yang sah dan terikat secara automatik selepas Kelulusan Akhir diberi.

13. Adakah saya boleh membuat apa-apa perubahan terhadap pembiayaan peribadi yang telah dimohon?

Harap maklum, selepas Perjanjian Pembiayaan Syariah bersyarat telah ditandatangani dan diterima, anda tidak dibenarkan membuat sebarang perubahan.

Sila hantarkan emel kepada **customer.service@xanderia.com** jika anda ingin membuat sebarang perubahan sebelum perjanjian diterima oleh pihak anda secara rasmi.

Bersambung di halaman seterusnya...

14. Bagaimana saya boleh menguruskan bayaran ansuran bulanan untuk pembiayaan aktif?

Bayaran ansuran bulanan untuk pembiayaan aktif dipotong secara terus melalui Sistem Pemotongan Gaji Biro Perkhidmatan Angkasa (Angkasa). Anda boleh menyemak status potongan bulanan dan penyata baki pembayaran anda untuk semua pembiayaan aktif melalui aplikasi Xanderia Shariah Financing.

Tamat